

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025

PERINTAH HARIAN

SABTU, 1 MAC 2025 / ISNIN, 3 MAC 2025*
(Tertakluk kepada Penglihatan Anak Bulan Ramadan)

PH03/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. NOTIS USUL: BIL. 1 - USUL MENJUNJUNG KASIH [SAMBUNGAN]

"Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Majlis ini dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Majlis menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya."

3. RANG UNDANG-UNDANG

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

"Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026"

4. NOTIS USUL: BIL.2 - USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

"Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggaj 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$480,000,000.00 (Empat Ratus Lapan Puluh Juta Ringgit) untuk

dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2025/2026, dibentangkan sebagai Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan.”